

## **ANALYSIS OF ENTREPRENEURIAL ORIENTATION AND PERFORMANCE OF MICRO INDUSTRIES ENTREPRENEURS IN LAHAD DATU SABAH**

Mohd Abdullah Jusoh<sup>1</sup>  
Leylyana Hidayati Abdullah<sup>2</sup>  
Rusliza Yahaya<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjong Malim Perak, Malaysia  
<sup>1</sup>Corresponding author: mohd.abdullah@fpe.upsi.edu.my

**Accepted date:** 8 November 2017

**Published date:** 28 December 2017

### **To cite this document:**

Jusoh, M. A., Abdullah, L. H., & Yahaya, R. (2017). Analysis of Entrepreneurial Orientation and Performance of Micro Industries Entrepreneurs In Lahad Datu Sabah. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 2(6), 57 - 73.

---

**Abstract:** *The purpose of this study was to investigate the relationship between entrepreneurial orientation and entrepreneurial performance of micro industries in Lahad Datu, Sabah using five dimensions of entrepreneurial orientation of innovative, proactive, risk-taking, competitive aggressiveness and autonomy. A total of 101 respondents who run micro-enterprise business were selected as samples in this study. The sample was selected using snowball technique. The results of the study showed the presence of a proactive and autonomous dimension in micro-enterprise in Lahad Datu with a mean value at a moderate level and higher level respectively. The study also found that there was a significant relationship between the dimensions of proactive and entrepreneurial achievement. The findings of this study are expected to be utilized by industrial micro entrepreneurs, government bodies and non-governmental organizations, other researchers, and the parties interested in entrepreneurship.*

**Keywords:** *Entrepreneurship Orientation; Entrepreneurial Performance; Micro Industry; Business Performance*

---

# ANALISIS ORIENTASI KEUSAHAWANAN DAN PRESTASI USAHAWAN INDUSTRI MIKRO DI LAHAD DATU SABAH

Mohd Abdullah Jusoh<sup>1</sup>  
Leylyana Hidayati Abdullah<sup>2</sup>  
Rusliza Yahaya<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjong Malim Perak, Malaysia

<sup>1</sup>Corresponding author: mohd.abdullah@fpe.upsi.edu.my

---

**Abstrak:** Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara orientasi keusahawanan dan prestasi keusahawanan terhadap industri mikro di Lahad Datu, Sabah menggunakan lima dimensi orientasi keusahawanan iaitu inovatif, proaktif, pengambilan risiko, keagresifan bersaing dan autonomi. Sebanyak 101 orang responden yang menjalankan perniagaan mikro enterprais telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Sampel kajian dipilih menggunakan teknik bola salji. Dapatan kajian menunjukkan kehadiran dimensi proaktif dan autonomi dalam mikro enterprais di Lahad Datu dengan nilai min masing-masing pada tahap sederhana tinggi dan tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara dimensi proaktif dengan prestasi keusahawanan. Dapatan daripada kajian ini diharap dimanfaatkan oleh usahawan industri mikro, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, pengkaji lain, dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang keusahawanan.

**Kata Kunci:** Orientasi Keusahawanan; Prestasi Keusahawanan; Industri Mikro; Prestasi Perniagaan

---

## Pendahuluan

Pertumbuhan industri bersaiz mikro dan kecil di negara-negara membangun dan maju adalah sangat menggalakkan dan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan kepada setiap negara, termasuk Malaysia. Banci pertumbuhan dan Enterprais Tahun 2005 mendapati bahawa sejumlah 99.2 peratus atau 518, 996 pertumbuhan perniagaan di Malaysia adalah terdiri daripada IKS. Daripada jumlah tersebut, 79.4 peratus merupakan industri mikro, 18.3 peratus industri kecil dan industri sederhana hanya sekadar 2.3 peratus (Jabatan Perangkaan 2005). Di negara-negara maju dan membangun yang lain, industri mikro juga sinonim dengan istilah mikro enterprais atau lebih dikenali sebagai industri tidak formal. Menurut Haron dan Mohamed Dahlan (2004), industri mikro dilihat sebagai salah satu instrumen yang penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara. Sektor tersebut menjadi sumber utama dalam menyediakan peluang pekerjaan, mencipta kekayaan dan menjana pendapatan (Birley & Westhead, 1990; Kotey & Meredith, 1997).

Keusahawanan dalam konteks pada masa kini melibatkan risiko dan cabaran intensif yang ditunjukkan melalui aktiviti-aktiviti ekonomi yang kian merentas global. Melalui peningkatan aktiviti ekonomi global, aktiviti keusahawanan telah menjadi semakin meluas dan para usahawan perlu lebih berdaya saing untuk meningkatkan keupayaan prestasi perniagaan. Menurut Madrid-Guijarro, Auken dan Garcia (2007), prestasi keusahawanan merupakan salah satu aspek utama yang dititikberatkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam sesebuah perniagaan termasuklah pemilik, pelabur, pembekal dan juga pekerja. Pengkaji-pengkaji dalam bidang keusahawanan telah banyak membuat analisis dan penelitian bahawa kejayaan sesebuah operasi perniagaan adalah didorong oleh aktiviti keusahawanan (Covin & Slevin, 1991; Hussain, Ismail, & Akhtar, 2015; Shuhaymee & Abdullah, 2013). Namun fenomena globalisasi dan impak teknologi dalam bidang keusahawanan menyebabkan pengusaha-pengusaha industri mikro tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran dan berhadapan dengan pesaing-pesaing dalam pasaran (Rosman Mahmood & Mohd Rosli Mohamad, 2011). Lantaran itu, usahawan-usahawan dalam industri mikro perlu membina budaya keusahawanan untuk lebih memahami ancaman-ancaman dan peluang-peluang yang wujud di pasaran dalam usaha untuk mengekalkan kelangsungan operasi perniagaan.

Industri mikro di Lahad Datu, Sabah telah dipelopori oleh penduduk-penduduk tempatan dan golongan imigran dari Indonesia dan Filipina. Golongan imigran ini telah berhijrah dari negara asal dan menetap di Malaysia untuk suatu tempoh yang lama. Daripada pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji di lokasi kajian, pengusaha industri mikro dilihat tidak berdaya saing dan hanya menjalankan aktiviti keusahawanan sebagai suatu rutin harian. Pemerhatian ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Brigham dan Houston (2004), yang membuat pengamatan bahawa firma yang berprestasi rendah selalunya kurang kompetitif dan akan mengalami kesulitan kewangan. Sedangkan, realiti yang wujud pada masa kini telah menyaksikan pelbagai cabaran kepada amalan keusahawanan dan pendekatan pengurusan, keberkesanan dalam membuat sesuatu keputusan keusahawanan terletak kepada kemampuan mereka untuk menganalisa keadaan persekitaran dan menjelmakan idea-idea yang dapat membantu kelangsungan perniagaan (Minniti, Zacharakis & Spinelli, 2007). Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara orientasi keusahawanan dan prestasi keusahawanan terhadap industri mikro di Lahad Datu, Sabah menggunakan lima dimensi orientasi keusahawanan iaitu inovatif, proaktif, pengambilan risiko, keagresifan bersaing dan autonomi.

## **Sorotan Literatur**

### ***Orientasi Keusahawanan***

Pada peringkat awal, pembentukan konsep orientasi keusahawanan telah diperkenalkan oleh Miller (1983). Pembentukan konsep ini muncul daripada penyelidikan yang memberi fokus terhadap keusahawanan korporat dan telah memusat kepada organisasi korporat yang besar. Walau bagaimanapun, selepas beberapa tahun lalu, ianya telah berkembang dengan mencakupi firma-firma bersaiz kecil dan sederhana. Secara umumnya, orientasi keusahawanan merujuk kepada suatu trend, proses-proses dan tingkah laku yang membawa sesebuah perniagaan memasuki pasaran baharu atau yang telah sedia ada dengan memperkenalkan produk baharu atau yang sedia ada (Lumpkin & Dess, 1996). Menurut Miller (1983), pembentukan orientasi keusahawanan terdiri daripada tiga dimensi iaitu proaktif, inovatif dan pengambilan risiko. Kemudian, dua tambahan dimensi yang baharu iaitu keagresifan bersaing dan autonomi telah diserapkan oleh Lumpkin dan Dess (1996) di dalam

konsep orientasi keusahawanan. Dalam konteks pada masa kini, kajian mengenai orientasi keusahawanan telah meningkat dengan banyak dan mendapat banyak perhatian daripada pengkaji-pengkaji di seluruh dunia baik di negara maju mahupun di negara membangun.

Kajian dalam bidang ini terbahagi kepada dua jenis kajian. Pertama, terdapat kajian yang mengukur kesan orientasi keusahawanan terhadap prestasi keusahawanan (Akmal Effendi, 2005; Fouda, H. 2007; Fairoz, F. M., Hirobumi, T., & Tanaka, Y., 2010; Al-Swidi, A., & Al-Hosam, A, 2012; Hussain, J., Ismail, K., & Akhtar, C. S., 2015; Palalic, R., & Busatlic, S., 2015). Terdapat ramai pengkaji lepas telah menyokong perhubungan yang positif di antara orientasi keusahawanan dengan prestasi firma berdasarkan kepada hasil kajian mereka. Antaranya, hasil kajian yang dijalankan oleh Akmal Effendi (2005) telah membuktikan bahawa hubungan antara orientasi keusahawanan dengan prestasi perusahaan adalah positif dan signifikan pada taraf 1% untuk faktor inovatif, pengambilan risiko, proaktif dan keagresifan bersaing. Sedangkan satu dimensi dari orientasi keusahawanan, iaitu autonomi memiliki nilai hubungan negatif dan tidak signifikan. Olawale fatoki (2014) pula menyatakan mikro enterprais berkemampuan menghasilkan dan membuat perubahan pada produk-produk yang baharu. Hubungan positif ini menunjukkan mikro enterprais tersebut mempunyai dimensi inovatif. Selain itu, kajian Shuhaymee Ahmad dan Abdullah, (2013) kepada 143 buah firma PKS di Malaysia turut menunjukkan hubungan yang signifikan. Keputusan kajian menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar iaitu inovasi, proaktif dan pengambilan risiko mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan prestasi perniagaan. Namun terdapat juga kajian lain yang mendapati tiada perhubungan yang signifikan antara kedua-duanya (Landstrom, 2008).

Dalam mengkaji hubungan di antara orientasi keusahawanan dengan prestasi keusahawanan, terdapat juga kajian yang telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji yang bertujuan untuk mengukur kehadiran dimensi-dimensi orientasi keusahawanan dalam sesuatu perniagaan. Antaranya ialah Olawale fatoki (2014) yang menyatakan bahawa mikro enterprais berkemampuan menghasilkan dan membuat perubahan pada produk-produk yang baharu. Hubungan positif ini menunjukkan mikro enterprais tersebut mempunyai dimensi inovatif. Kajian tersebut juga menunjukkan kewujudan tiga dimensi sahaja iaitu inovatif, proaktif dan pengambilan risiko. Selain itu, terdapat juga kajian yang dibuat oleh Palalic & Busatlic (2015). Dapatan kajian yang dibuat menunjukkan bahawa kesemua dimensi orientasi keusahawanan wujud dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Bosnia dan Herzegovina kecuali dimensi proaktif.

Kajian yang kedua lazimnya akan menggunakan pemboleh ubah penyederhana untuk mengkaji perhubungan di antara penentu-penentu orientasi keusahawanan dan prestasi keusahawanan (Yang, 2006; Sefnedi, 2007; Yong, Jing & Tsai, 2008; Amran Awang et al., 2009; Aziz & Yassin, 2010; Shuhaymee Ahmad & Abdullah, 2013). Melalui kajian Yang (2006), ia dapat memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada pengusaha-pengusaha kecil bahawa aspek kepimpinan dapat mempengaruhi prestasi sesuatu perusahaan. Manakala kajian yang dibuat oleh Yong, Jing dan Tsai (2008) yang menggunakan proses mencipta pengetahuan sebagai impak penyederhana menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara orientasi keusahawanan dengan prestasi perniagaan dan proses mencipta pengetahuan. Semua kajian tersebut dilaksanakan menggunakan dimensi pengukuran orientasi keusahawanan sama ada menggunakan tiga dimensi (Dickson, 2004; Kellermanns & Eddleston, 2006; Tang et al., 2008; Casillas & Moreno, 2010; Frank et al., 2010; Cruz & Nordqvist, 2012) atau lima dimensi (Lee & Peterson, 2001; Hughes & Morgan, 2007; Li,

Huang & Tsai, 2009). Kebanyakan kajian masih lagi menggunakan tiga dimensi pemboleh ubah. Namun, dalam kajian ini pengkaji akan mengukur orientasi keusahawanan dengan menggunakan lima dimensi pemboleh ubah iaitu inovatif, proaktif, pengambilan risiko, keagresifan bersaing dan autonomi.

Dimensi inovatif merujuk kepada kecenderungan firma untuk melibatkan dan menyokong sesuatu yang baharu (novelty), idea baru, penyelidikan, dan proses kreativiti yang mungkin menghasilkan produk, perkhidmatan atau proses baru (Lumpkin & Dess 1996; Atuahene-Gima & Ko, 2001). Kajian secara empirikal telah membuktikan bahawa inovasi merupakan faktor penting dalam konstruk orientasi keusahawanan melalui hubungannya dengan prestasi firma (Amran 2006; Coulthard 2007; Davis 2007; Kreiser et al. 2002; Yang 2006). Dimensi proaktif pula merupakan postur kesiapan, meramal dan bertindak kepada kehendak dan keperluan pasaran masa hadapan (Matsuno, Mentzer, & Özsomer, 2002). Keupayaan mengambil inisiatif atau merebut peluang terutamanya pada masa, keadaan, dan situasi yang tertentu adalah istilah yang paling tepat dalam menggambarkan kriteria proaktif. Seterusnya dimensi pengambilan risiko di mana ianya merujuk kepada tahap di mana firma sanggup untuk melibatkan komitmennya terhadap sumber yang besar (Lumpkin & Dess 1996). Pengambilan risiko juga merujuk kepada kecenderungan pemilik atau pengusaha untuk mengambil sesuatu keputusan yang berani.

Seterusnya dimensi keempat dimensi keagresifan bersaing dijelaskan melalui usaha di mana firma menggunakannya untuk mengungguli persaingan di dalam industri (Ho & Chung-Shing, 2008). Perusahaan dengan orientasi yang agresif bersedia pada bila-bila untuk 'bertempur' dengan para pesaing mereka di dalam pasaran. Pertempuran melibatkan amalan-amalan seperti mengurangkan harga untuk produk-produk pengganti yang juga dihasilkan oleh para pesaing (Malaviya & Sternthal, 2009) dan memperkenalkan produk inovatif. Dimensi kelima iaitu autonomi merujuk kepada kebebasan seseorang individu dalam mempersembahkan idea atau mengambil dan melaksanakan sesuatu keputusan (Jawad, Kamariah & Shoaib Akhtar, 2015). Dengan erti kata lain, autonomi merupakan suatu tindakan secara bebas oleh individu atau kumpulan yang bertujuan untuk menghasilkan satu konsep, visi atau matlamat perniagaan dan membawa tujuan tersebut kepada pengakhirannya. Autonomi seharusnya sentiasa dipertimbangkan sebagai satu dimensi yang penting dalam konstruk orientasi keusahawanan (Lumpkin, Coglisier & Schneider, 2009) di dalam penciptaan kelebihan bersaing dan juga dengan usaha untuk menarik para pelanggan yang berpotensi. Sebahagian besar firma atau perniagaan berkemungkinan akan berakhir dengan kegagalan jika autonomi tidak diberi perhatian secara serius.

### ***Prestasi Keusahawanan***

Prestasi merupakan suatu konsep pelbagai dimensi. Hubungan di antara orientasi keusahawanan dan prestasi keusahawanan adalah bergantung kepada indikator yang digunakan untuk mengkaji prestasi keusahawanan. Kajian-kajian lepas telah menggunakan pemboleh ubah yang berbeza untuk mengukur prestasi IKS sama ada dalam aspek kewangan ataupun keseluruhan prestasi (bukan kewangan). Prestasi dari segi kewangan biasanya diukur berdasarkan tiga kriteria iaitu pertumbuhan pendapatan, pertumbuhan pampasan keusahawanan dan perbelanjaan buruh (Bracker & Pearson, 1986). Selain itu, terdapat pengukuran kewangan lain yang digunakan yang merangkumi; pertumbuhan pekerja, pulangan atas jualan dan pertumbuhan jualan keuntungan selepas cukai (Glen & Weerawardena, 1996).

Menurut Murphy, Trailer dan Hill (1996); Gupta dan Govindarajan (1984) pula, prestasi keusahawanan IKS boleh diukur dengan menggunakan kedua-dua jenis pengukuran iaitu sama ada pengukuran secara objektif ataupun subjektif. Dalam kajian yang dibuat oleh Amran Awang et al. (2009) terhadap 210 firma IKS dalam kalangan Bumiputera, pengukuran prestasi secara objektif yang diaplikasikan ialah pulangan atas jualan, pulangan atas pelaburan, pulangan atas aset, *eigenvalue* dan peratusan varians. Setelah mengamati perbezaan mikro enterprais, pengkaji menggabungkan aspek kewangan dan bukan kewangan sebagai pengukuran dalam kajian ini. Oleh itu, prestasi keusahawanan yang ditakrifkan dalam kajian ini adalah suatu konstruk yang terdiri daripada pendapatan dan kepuasan seperti yang ditelah dicadangkan oleh Lumpkin & Dess (1996). Pendekatan ini dipilih memandangkan tiada persetujuan yang dibuat di antara pengkaji lepas terhadap satu pengukuran yang sesuai untuk mengukur prestasi (Roslan et al., 2014).

## **Metodologi**

Kajian ini dilakukan di bahagian Borneo Malaysia, iaitu Lahad Datu, Sabah. Lahad Datu terletak di kawasan pantai timur negeri Sabah pada kedudukan latitud  $5^{\circ} 1'$  Utara dan longitud  $118^{\circ} 19'$  timur pada jarak 500 km dari Bandar utama Sabah iaitu Kota Kinabalu dan ia terletak berhampiran dengan beberapa daerah lain seperti Sandakan, Tawau, Kinabatangan, dan Kunak. Keluasan daerah Lahad Datu ialah 6,635.2 km<sup>2</sup>. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dengan mengedarkan set borang soal selidik yang mempunyai empat bahagian. Bahagian pertama menunjukkan soalan yang berkenaan latar belakang responden, bahagian kedua berkenaan profil perniagaan responden, bahagian ketiga adalah soalan bagi menilai prestasi keusahawanan yang telah diadapatasi daripada kajian yang telah dilakukan oleh Callaghan (2009) dan yang terakhir ialah soalan untuk mengukur orientasi keusahawanan responden yang mana bahagian ini diadaptasi daripada Miller (1983); Covin dan Slevin (1991). Oleh disebabkan kesulitan mendapatkan maklumat statistik mikro enterprais di kawasan kajian, pengkaji telah menggunakan teknik persampelan bola salji (*snowball*).

## **Hipotesis Kajian**

- H01 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara inovatif dengan prestasi keusahawanan.
- H02 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara proaktif dengan prestasi keusahawanan.
- H03 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengambilan risiko dengan prestasi keusahawanan.
- H04 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara keagresifan bersaing dengan prestasi keusahawanan.
- H05 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara autonomi dengan prestasi keusahawanan.

## Dapatan Kajian

### Demografi

138 borang soal selidik telah diedarkan kepada pengusaha mikro enterprais di kawasan kajian namun hanya 101 borang soal selidik yang telah dikembalikan selepas sering menghubungi dan melawat responden. Dapatan kajian menunjukkan responden terdiri daripada 35 orang lelaki dan 66 orang perempuan. Dapatan menunjukkan bahawa bilangan responden yang berbangsa Bugis adalah sebanyak 36 orang manakala responden yang berbangsa Dusun adalah sebanyak tiga orang. Responden yang berbangsa Bajau adalah sebanyak 28 orang diikuti lain-lain bangsa sebanyak 13 orang, sebanyak 10 orang adalah responden berbangsa Suluk, bangsa Idahan sebanyak tujuh orang dan seterusnya responden berbangsa Cocos sebanyak empat orang sahaja. 33 orang responden mempunyai tahap pendidikan sehingga sekolah rendah, 48 orang mempunyai tahap pendidikan sehingga sekolah menengah diikuti responden yang mempunyai kelulusan diploma sebanyak sembilan orang, kemudian sebanyak enam orang responden mempunyai kelulusan ijazah dan lain-lain tahap pendidikan mencatatkan bilangan sebanyak lima orang.

Dapatan juga menunjukkan bahawa bilangan responden yang telah menjalankan perniagaan mikro enterprais dalam tempoh kurang daripada enam tahun adalah sebanyak 50 orang, diikuti usia perniagaan 16 – 30 tahun iaitu sebanyak 34 orang dan 14 orang bagi usia perniagaan 7 – 15 tahun. Seterusnya, bilangan responden yang telah menjalankan perniagaan selama 31 tahun dan ke atas pula adalah sebanyak tiga orang. Responden yang menjual sayur-sayuran dan buah-buahan adalah sebanyak 16 orang diikuti aneka kuih dan makanan sebanyak 24 orang dan enam orang responden menjual hidupan laut, minyak dan ubat-ubatan adalah sebanyak tiga orang. Seterusnya responden yang menjual pakaian adalah sebanyak 26 orang, perhiasan sebanyak enam orang, empat orang peniaga menjual barangan kosmetik dan lain-lain jenis jualan adalah sebanyak 16 orang. Responden yang tidak mempunyai pekerja adalah sebanyak 49 orang. 46 orang responden mempunyai 1 – 2 orang pekerja dan 5 orang responden mempunyai 3 – 4 orang pekerja. Manakala responden yang memiliki lebih daripada lima orang pekerja hanya seorang sahaja.

**Jadual 1: Dimensi Inovatif**

Pernyataan	Min	Tahap Skor Min	Sisihan Piawai
Saya suka menjual produk yang baharu setiap masa	2.21	Sederhana Rendah	1.53
Sepanjang tiga tahun terakhir, saya banyak menjual produk-produk yang baharu	2.61	Sederhana Rendah	1.60
Sekiranya saya mengubah jenis produk yang saya jual, saya akan mengubah banyak	2.25	Sederhana rendah	1.41
Keseluruhan	2.36	Sederhana rendah	1.15

**Jadual 2: Dimensi Proktif**

Pernyataan	Min	Tahap Skor Min	Sisihan Piawai
Saya ingin mengembangkan perniagaan	3.56	Sederhana Tinggi	1.64
Mengembangkan perniagaan saya dengan cepat sangat penting bagi saya	3.24	Sederhana Tinggi	1.66
Saya akan membuat sesuatu untuk memastikan pelanggan datang	3.26	Sederhana Tinggi	1.74
Keseluruhan	3.35	Sederhana Tinggi	1.39

**Jadual 3: Dimensi Pengambilan Risiko**

<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Saya suka mengambil risiko yang tinggi untuk mendapat untung yang besar	2.58	Sederhana Rendah	1.44
Jika saya tidak pasti terhadap sesuatu, saya akan membuat keputusan dengan cepat dan mengambil kelebihan daripada situasi tersebut	2.17	Sederhana Rendah	1.42
Dalam perniagaan saya suka mengambil peluang dan tidak perlu berwaspada	2.24	Sederhana Rendah	1.37
Keseluruhan	2.33	Sederhana Rendah	1.09

**Jadual 4: Dimensi Keagresifan Bersaing**

<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Saya suka bersaing dengan peniaga lain	2.81	Sederhana Rendah	1.64
Saya suka bersaing dan mengambil pelanggan daripada peniaga lain	2.19	Sederhana Rendah	1.53
Saya suka meniru peniaga lain untuk mendapatkan pelanggan mereka	1.60	Rendah	0.95
Keseluruhan	2.20	Sederhana Rendah	0.94

**Jadual 5: Dimensi Autonomi**

<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Saya suka jadi majikan	4.32	Tinggi	1.22
Saya lebih suka bekerja sendiri	4.61	Tinggi	0.87
Saya tidak suka diberi arahan ketika bekerja	3.64	Sederhana Tinggi	1.57
Keseluruhan	4.19	Tinggi	0.82

**Jadual 6: Dimensi Kepuasan**

<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Saya gembira meneruskan perniagaan industri mikro	4.41	Tinggi	1.08
Saya suka kerja saya sekarang dan saya tak nak buat kerja lain	4.21	Tinggi	1.21
Keseluruhan	4.31	Tinggi	1.15

Analisis tahap skor min dibuat berdasarkan skala pengukuran yang telah dibangunkan oleh Covin dan Slevin (1991) dan Lumpkin dan Dess (1996). Secara ringkasnya, skor min bagi orientasi keusahawanan industri mikro berada pada tahap yang sederhana rendah kecuali dimensi proaktif berada pada tahap yang sederhana tinggi dan dimensi autonomi berada pada tahap yang tinggi. Manakala min bagi prestasi keusahawanan iaitu dimensi kepuasan pula berada pada tahap yang tinggi.



## Analisis Ujian Korelasi

**Jadual 7: Analisis Hubungan Prestasi Keusahawanan dengan Dimensi Inovatif, Proaktif, Pengambilan Risiko, Keagresifan Bersaing dan Autonomi**

	Inovatif	Proaktif	Pengambilan Risiko	Keagresifan Bersaing	Autonomi
Prestasi	.157	.258*	.082	.122	.056

\*Signifikan pada aras 0.05

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara dimensi proaktif dengan prestasi keusahawanan. Namun bagi dimensi inovatif, pengambilan risiko, keagresifan bersaing dan autonomi menunjukkan hubungan yang tidak signifikan dengan prestasi keusahawanan kerana secara keseluruhan *p value* bagi keempat-empat dimensi tersebut berada pada tahap lebih besar daripada *p value* yang telah ditetapkan iaitu 0.05.

### *Dimensi Inovatif Industri Mikro di Lahad Datu*

Nilai min keseluruhan bagi item-item mengenai dimensi inovatif menunjukkan bahawa pengusaha-pengusaha industri mikro mempunyai dimensi inovatif pada tahap yang sederhana rendah. Merujuk Lumpkin dan Dess (1996); Atuahene-Gima dan Ko (2001) inovatif merujuk kepada kecenderungan firma untuk melibatkan dan menyokong sesuatu yang baharu (novelty), idea baharu, penyelidikan, dan proses kreativiti yang mungkin menghasilkan produk, perkhidmatan atau proses baharu. Namun, nilai min keseluruhan bagi dimensi inovatif menunjukkan bahawa pengusaha-pengusaha industri mikro di Lahad Datu tidak cenderung untuk mengeluarkan idea atau sesuatu produk dan perkhidmatan yang baharu dan tidak melibatkan diri dengan sebarang penyelidikan. Dapatan juga menunjukkan bahawa pengusaha industri mikro lebih cenderung untuk menjual produk yang sama sahaja pada setiap masa tanpa melakukan sebarang perubahan pada produk yang dijual.

Dapatan ini adalah tidak selari dengan kajian Olawale fatoki (2014) yang menyatakan bahawa mikro enterprais berkemampuan menghasilkan dan membuat perubahan pada produk-produk yang baharu. Hubungan positif dalam kajian Olawale Fatoki sebaliknya menunjukkan mikro enterprais mempunyai dimensi inovatif dan bertentangan dengan dapatan kajian. Kajian secara empirikal telah membuktikan bahawa inovasi merupakan faktor penting dalam konstruk orientasi keusahawanan melalui hubungannya dengan prestasi firma (Amran 2006; Coulthard 2007; Davis 2007; Kreiser et al. 2002; Yang 2006). Namun, dapatan yang diperoleh daripada kajian yang dibuat oleh pengkaji tidak menyokong kajian empirikal tersebut.

### *Dimensi Proaktif Industri Mikro di Lahad Datu*

Item-item bagi dimensi proaktif pengusaha mikro enterprais di kawasan kajian memberikan nilai min keseluruhan pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengusaha industri mikro memiliki dimensi proaktif yang sederhana tinggi dalam menjalankan aktiviti keusahawanan sehari-hari. Dapatan kajian ini tidak menyokong kajian Palalic dan Busatlic (2015) yang menyatakan bahawa kesemua dimensi orientasi keusahawanan wujud dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Bosnia dan Herzegovina kecuali dimensi proaktif. Dimensi proaktif merupakan postur kesiapan, meramal dan bertindak kepada kehendak dan keperluan pasaran masa hadapan (Matsuno, Mentzer, &

Özsomer, 2002). Walau bagaimanapun, keadaan ini adalah selari dengan hasil dapatan kerana kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan bahawa responden cenderung untuk mengembangkan perniagaan yang mereka jalankan.

Sikap proaktif yang ditunjukkan juga disokong dengan nilai min yang tinggi bagi salah satu item soalan dimensi inovatif iaitu “saya akan membuat sesuatu untuk memastikan pelanggan datang”. Bagi memastikan perniagaan yang dijalankan akan berkembang mengikut peredaran masa, pengusaha industri mikro di Lahad Datu akan berusaha memenuhi keperluan dan kehendak pengguna serta melakukan sesuatu untuk memastikan pelanggan datang untuk membeli produk yang dijual oleh para pengusaha. Tingkah laku yang ditunjukkan oleh responden disokong dengan kajian yang dilaksanakan oleh Anand, Mesquita dan Vassolo (2009) yang menyatakan bahawa tingkah laku proaktif mendorong firma bertindak sebagai penggerak perintis dan memperoleh kelebihan mengatasi pesaing.

### ***Dimensi Pengambilan Risiko Industri Mikro di Lahad Datu***

Min keseluruhan bagi item-item dimensi pengambilan risiko industri mikro di Lahad Datu menunjukkan bahawa min bagi item-item ini adalah berada pada tahap yang sederhana rendah. Pengambilan risiko merujuk kepada tahap di mana firma sanggup untuk melibatkan komitmennya terhadap sumber yang besar (Lumpkin & Dess 1996). Antara proses pengambilan risiko yang terlibat termasuklah mengeluarkan barisan produk baharu, memasuki pasaran baharu, mengambil lebih ramai pekerja dan melaburkan sejumlah wang (Rauch et al., 2009) untuk sesuatu perkara yang mungkin akan menguntungkan perniagaan atau mengalami kerugian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengusaha industri mikro di Lahad Datu tidak cenderung untuk mengambil risiko seperti mengeluarkan produk yang baharu atau mengambil lebih ramai pekerja. Dapatan menunjukkan bahawa responden tidak berani mengambil risiko untuk mengupah lebih ramai pekerja kerana jumlah purata pendapatan yang diperolehi dalam sehari adalah tidak menentu. Dapatan ini telah ditunjukkan dalam bab 4. Selain itu, hasil dapatan juga tidak menyokong kajian Madsen (2007) yang mana beliau menyatakan bahawa firma perlu bersedia untuk melabur dalam ketidakpastian dan berusaha untuk membina kekuatan dalam tempoh yang sukar dalam perniagaan demi mempertahankan orientasi keusahawanan. Kajian ini tidak selari dengan hasil dapatan semasa kerana pengusaha mikro enterprais tidak yakin bahawa pengambilan risiko pada masa sekarang akan memberikan faedah dalam jangka masa panjang.

### ***Dimensi Keagresifan Bersaing Industri Mikro di Lahad Datu***

Nilai min keseluruhan bagi item-item mengenai dimensi keagresifan bersaing menunjukkan bahawa pengusaha-pengusaha industri mikro mempunyai dimensi keagresifan bersaing pada tahap yang sederhana rendah. Analisis nilai min terhadap tiga item soalan dimensi keagresifan bersaing menunjukkan bahawa pemilik atau pengusaha mikro enterprais di Lahad Datu, Sabah tidak cenderung untuk bersaing dengan peniaga lain, mengambil pelanggan daripada peniaga lain dan meniru peniaga lain untuk mendapatkan pelanggan mereka.

Perusahaan dengan orientasi yang agresif seharusnya bersedia pada bila-bila masa untuk 'bertempur' dengan para pesaing mereka di dalam pasaran. Pertempuran melibatkan amalan-amalan seperti mengurangkan harga untuk produk-produk pengganti yang juga dihasilkan

oleh para pesaing (Malaviya & Sternthal, 2009) dan memperkenalkan produk inovatif. Kajian Malaviya dan Sternthal adalah tidak selari dengan dapatan kajian kerana secara keseluruhannya kesemua responden tidak menunjukkan persaingan baik dalam aspek pengurangan harga mahupun dalam memperkenalkan produk yang inovatif. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa lazimnya pengusaha mikro di kawasan kajian akan menggunakan standard harga yang sama dan juga menjual jenis produk yang lebih kurang sama.

### ***Dimensi Autonomi Industri Mikro di Lahad Datu***

Item-item bagi dimensi autonomi pengusaha mikro enterprais di kawasan kajian memberikan nilai min keseluruhan pada tahap yang tinggi. Keputusan ini menunjukkan bahawa pengusaha industri mikro di Lahad Datu memiliki dimensi autonomi yang tinggi dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Autonomi merujuk kepada kebebasan seseorang individu dalam mempersembahkan idea atau mengambil dan melaksanakan sesuatu keputusan (Jawad, Kamariah & Shoaib Akhtar, 2015). Kehadiran dimensi autonomi dalam diri pengusaha mikro berkemungkinan adalah daripada faktor ingin bebas dalam menyuarakan pendapat dan mempersembahkan idea serta tidak ingin terikat dengan majikan yang mungkin akan menghalang mereka untuk berkeaktiviti.

Dapatan ini juga menyokong kajian yang menyatakan bahawa dimensi autonomi seharusnya sentiasa dipertimbangkan sebagai satu dimensi yang penting dalam konstruk orientasi keusahawanan (Lumpkin, Cogliser & Schneider, 2009) di dalam penciptaan kelebihan bersaing dan juga dengan usaha untuk menarik para pelanggan yang berpotensi. Dimensi autonomi yang wujud dalam diri responden menjadi kunci utama dalam memandu hala tuju perusahaan sama ada menuju kecemerlangan atau kegagalan.

### ***Mengukur Tahap Prestasi Keusahawanan Industri Mikro di Lahad Datu***

Prestasi keusahawanan yang ditakrifkan dalam kajian ini adalah suatu konstruk yang terdiri daripada pendapatan dan kepuasan seperti yang ditelah dicadangkan oleh Lumpkin dan Dess (1996). Keputusan daripada hasil analisis dimensi pendapatan telah dipersembahkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan di dalam bab sebelumnya. Sebaliknya bagi dimensi kepuasan, hasil dapatan telah dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk min dan sisihan piawai. Min keseluruhan bagi item-item dimensi kepuasan industri mikro di Lahad Datu menunjukkan bahawa min bagi item-item ini adalah berada pada tahap yang tinggi.

Keputusan hasil kajian telah menunjukkan bahawa secara keseluruhan responden berasa gembira meneruskan perniagaan industri mikro. Selain itu, dapatan daripada analisis item soalan juga menyatakan bahawa responden menyukai kerja yang mereka lakukan sekarang (mikro enterprais) dan tidak ingin membuat kerja lain. Dapatan kajian ini telah disokong oleh Callaghan (2009) yang menyatakan bahawa peniaga jalanan di Johannesburg mempunyai dimensi kepuasan dan menunjukkan hubungan yang positif. Kesimpulannya, dapatan semasa yang dijalankan oleh pengkaji telah menunjukkan bahawa responden di kawasan kajian begitu menikmati pekerjaan dan punca pendapatan mereka sekarang yang sinonim dengan budaya dan cara hidup masyarakat di Lahad Datu yang cenderung untuk menjalankan perniagaan dalam skala mikro bagi menampung kehidupan seharian mereka.

### ***Hubungan Inovatif dengan Prestasi Keusahawanan***

Korelasi Pearson menunjukkan bahawa hipotesis nol (H01) adalah gagal ditolak iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara inovatif dengan prestasi keusahawanan. Dapatan ini adalah tidak bertepatan dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara inovatif dan prestasi keusahawanan. Antaranya ialah hasil kajian yang dijalankan oleh Akmal Effendi (2005) yang telah membuktikan bahawa hubungan antara orientasi keusahawanan dengan prestasi perusahaan adalah positif dan signifikan pada taraf 1% untuk faktor inovatif. Kajian Shuhaymee Ahmad dan Abdullah (2013) kepada 143 buah firma PKS di Malaysia turut menunjukkan hubungan yang signifikan. Keputusan kajian menunjukkan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu inovasi mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan prestasi perniagaan. Selain itu, kajian yang dibuat oleh Palalic dan Busatlic (2015); Fairoz, F. M., Hirobumi, T., dan Tanaka, Y. (2010) juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara dimensi inovatif dengan prestasi keusahawanan. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara inovatif dengan prestasi keusahawanan dan ia adalah tidak selari dengan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji sebelum ini.

### ***Hubungan Proaktif dengan Prestasi Keusahawanan***

Hubungan di antara dimensi proaktif dengan prestasi keusahawanan menunjukkan hubungan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol (H02) adalah ditolak. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Palalic dan Busatlic (2015) yang menyatakan bahawa kesemua dimensi orientasi keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi keusahawanan dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Bosnia dan Herzegovina. Terdapat kajian yang dijalankan oleh Fouda, H. (2007) untuk mengkaji mengenai hubungan orientasi keusahawanan dengan prestasi keusahawanan dalam industri kecil ICT di Kanada. Hasil dapatan kajian tersebut menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara proaktif dengan prestasi keusahawanan dan ia adalah menyokong hasil dapatan pengkaji.

Selain itu, dapatan kajian daripada Fairoz, F. M., Hirobumi, T., dan Tanaka, Y. (2010) juga selari dapatan kajian semasa yang mana hasil dapatan daripada kajian yang dibuat terhadap 25 buah firma Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) dalam bidang pembuatan di Jalan Hambatota, Sri Lanka menyatakan bahawa 52% IKS adalah mewakili dimensi-dimensi orientasi keusahawanan dan turut ditunjukkan bahawa dimensi proaktif mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi keusahawanan.

### ***Hubungan Pengambilan Risiko dengan Prestasi Keusahawanan***

Korelasi Pearson menunjukkan bahawa hipotesis nol (H03) adalah gagal ditolak iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengambilan risiko dengan prestasi keusahawanan. Dapatan ini adalah tidak bertepatan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Akmal Effendi (2005) yang telah membuktikan bahawa hubungan antara orientasi keusahawanan dengan prestasi perusahaan adalah positif dan signifikan pada taraf 1% untuk faktor pengambilan risiko. Keputusan kajian Shuhaymee Ahmad dan Abdullah (2013) juga bertentangan yang mana ia menunjukkan hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pengambilan risiko dengan prestasi perniagaan terhadap 143 buah firma PKS di Malaysia. Selain itu, terdapat kajian yang telah membuktikan bahawa dimensi

orientasi keusahawanan juga wujud dalam perniagaan berbentuk francais dan berhubungan positif dengan prestasi perniagaan (Bruce Nelson & Max Coulthard, 2005).

Namun, dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji terhadap mikro enterprais di Timur Sabah, Lahad Datu menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara dimensi pengambilan risiko dengan prestasi keusahawanan. Hal ini adalah kerana secara keseluruhan responden menyatakan bahawa mereka tidak berani untuk mengambil risiko yang berkemungkinan besar akan menyebabkan perniagaan mereka mengalami kerugian. Pengusaha industri mikro di Lahad Datu lebih cenderung untuk mengambil langkah-langkah berwaspada dan menikmati keuntungan dalam skala yang kecil sahaja. Oleh itu, dapatan ini tidak menyokong hasil dapatan daripada kajian lepas.

### ***Hubungan Keagresifan Bersaing dengan Prestasi Keusahawanan***

Hubungan di antara dimensi keagresifan bersaing dengan prestasi keusahawanan menunjukkan hubungan yang tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol (H04) adalah gagal ditolak. Kebanyakan kajian masih lagi menggunakan tiga dimensi pemboleh ubah untuk mengukur hubungan di antara orientasi keusahawanan dengan prestasi keusahawanan iaitu inovatif, proaktif dan pengambilan risiko (Dickson, 2004; Kellermanns & Eddleston, 2006; Tang et al., 2008; Casillas & Moreno, 2010; Frank et al., 2010; Cruz & Nordqvist, 2012). Kajian untuk mengkaji lima hubungan dimensi orientasi keushwanan dengan prestasi keusahawanan didapati masih kurang.

Antara kajian yang mengkaji dimensi keagresifan bersaing adalah kajian yang dibuat oleh Akmal Effendi (2005). Namun, dapatan kajian semasa adalah tidak menyokong hasil dapatan Akmal Effendi (2005) terhadap 106 Industri Kecil dan Menengah yang terdapat di Sumatera Selatan. Hasil dapatan malah menunjukkan hubungan yang bertentangan dengan dapatan kajian pengkaji iaitu bagi faktor keagresifan bersaing, hubungan antara orientasi keusahawanan dengan prestasi perusahaan adalah positif dan signifikan pada taraf 1%. Dapatan yang sama juga ditunjukkan oleh kajian yang dibuat oleh Yong, Jing dan Tsai, (2008) yang menyatakan bahawa kesemua dimensi orientasi keusahawan didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi keusahawanan.

### ***Hubungan Autonomi dengan Prestasi Keusahawanan***

Korelasi Pearson menunjukkan bahawa hipotesis nol (H05) adalah gagal ditolak iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara autonomi dengan prestasi keusahawanan. Dapatan ini ternyata disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Akmal Effendi (2005) terhadap 106 Industri Kecil dan Menengah yang terdapat di Sumatera Selatan. Hasil kajian yang dijalankan oleh Akmal Effendi (2005) telah membuktikan bahawa hubungan antara orientasi keusahawanan dengan prestasi perusahaan adalah positif dan signifikan pada taraf 1% untuk faktor inovatif, pengambilan risiko, proaktif dan keagresifan bersaing. Sedangkan satu dimensi dari orientasi keusahawanan, iaitu autonomi memiliki nilai hubungan negatif dan tidak signifikan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang tidak menyokong hasil dapatan pengakaji. Antaranya ialah Yong, Jing dan Tsai, (2008) yang bahawa menyatakan dimensi autonomi didapati mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan prestasi keusahawanan. Kemudian, kajian yang dilaksanakan oleh Bruce Nelson dan Max Coulthard (2005) terhadap

perniagaan francais di Australia yang menunjukkan bahawa dimensi autonomi juga wujud dalam perniagaan berbentuk francais dan berhubungan positif dengan prestasi perniagaan.

## **Kesimpulan Dan Cadangan**

Pemilik atau pengusaha industri mikro perlu memupuk dimensi orientasi keusahawanan dalam diri bagi menjamin prestasi cemerlang dan juga kelangsungan perniagaan pada masa akan datang. Para pengusaha juga perlu mengubah mentaliti masyarakat sekitar bahawa aktiviti keusahawanan hanyalah satu aktiviti yang biasa-biasa kepada sesuatu aktiviti yang luar biasa yang mampu mengubah keadaan ekonomi diri, keluarga, masyarakat dan sudah pastinya negara secara amnya. Kajian ini boleh menjadi panduan untuk pemilik atau pengusaha-pengusaha industri mikro dalam meningkatkan kemahiran dan tahap orientasi keusahawanan mereka.

Seterusnya, pengkaji ingin mencadangkan agar agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan menggunakan kajian ini sebagai panduan dalam mengenal pasti orientasi keusahawanan dalam diri usahawan sebelum memberikan bantuan kewangan. Cadangan yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan boleh menggunakan satu set borang soal selidik yang diaplikasikan daripada kajian ini yang bertujuan untuk mengukur tahap orientasi keusahawanan dalam kalangan pemohon (usahawan) bantuan kewangan. Melalui dapatan tersebut, pihak yang berkenaan dapat menilai aras atau tahap orientasi keusahawanan pemohon. Sekiranya pemohon memiliki tahap orientasi keusahawanan dalam skala yang memuaskan, bantuan kewangan boleh diluluskan. Sebaliknya, jika orientasi keusahawanan pemohon berada dalam skala kurang memuaskan, bantuan bukan kewangan seperti program latihan, bimbingan dan kursus perlu diberikan kepada pemohon terlebih dahulu. Prosedur dan penggunaan set borang selidik orientasi keusahawanan adalah lebih efisien dalam memastikan bantuan kewangan akan diberikan kepada pemohon yang sepatutnya dan ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya tanpa berlaku pembaziran sumber.

## **Rujukan**

- Akmal Effendi (2005). Orientasi Kewirausahaan Dan Kinerja Perusahaan (CP) Pada Industri Kecil Dan Menengah Di Sumatra Selatan. *Simposium Riset Ekonomi II*. Diperoleh daripada <http://ejournal.narotama.ac.id/files/Makalah%20Drs.%20Akmal%20Effendi,%20MM.pdf>
- Al-Swidi, A., & Al-Hosam, A. (2012). The effect of entrepreneurial orientation on the organizational performance: A study on the islamic banks in yemen using the partial least squares approach. *Arabian Journal of Business and Management Review (Oman Chapter)*, 2(1), 73-84
- Amran Awang, Zainal Ariffin Ahmad, Abdul Rashid Said Asghar, Khairul Anwar Subari & Shamsul Anaz Kassim (2009). Kesan pengetahuan dan jaringan terhadap hubungan di antara orientasi keusahawanan firma dengan prestasi perusahaan kecil dan sederhana-asas tani (PKS-AT) di Malaysia: impak penyederhana teknologi, strategi dan persekitaran yang ditanggap. Diperoleh daripada [http://ir.uitm.edu.my/6190/1/LP\\_AMRAH%20AWANG%2009\\_24.pdf](http://ir.uitm.edu.my/6190/1/LP_AMRAH%20AWANG%2009_24.pdf)
- Atuahene-Gima, K., & Ko, A. (2001). An empirical investigation of the effect of market orientation and entrepreneurship orientation alignment on product innovation.

- Organization Science*, 12(1), 54-74
- Aziz, N.A., & Yassin, N.M. (2010). How will market orientation and external environment influence the performance among SMEs in the Agro-Food sector in Malaysia? *International Business Research*, 3(3), 154-164
- Berko, L & Gueullette, A. (2003). Policy for support of small and medium size enterprises in Hungary: The case of the central region. *Post-Communist Economies*, 15(2), 243-257
- Birley, S. & Westhead, P. (1990). Growth and performance contrast between 'types' of small firms. *Strategic Management Journal*, 11(7), 535-557
- BNM. *Laporan Tahunan PKS 2005* Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Brigham, E. F. & Houston, J. F. (2004). *Fundamentals of Financial Management*. 10<sup>th</sup> edition. Mason, OH: Thompson South-Western.
- Callaghan, C.W. (2009). *Entrepreneurial orientation and entrepreneurial performance of Central Johannesburg informal sector street traders*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Johannesburg: University Witwatersrand.
- Casillas, C. J., & Moreno, M. A. (2010). The relationship between entrepreneurial orientation and growth: The moderating role of family involvement. *Entrepreneurship & regional development: An International Journal*, 22(3-4), 265-291
- Chua Yan Piaw. (2008). *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Covin, J. G. & Slevin, D. P. (1991). A conceptual entrepreneurship as firm behavior. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 16(1), 7-25
- Dana, L.P. (2011). *World encyclopedia of entrepreneurship*. Edward Elgar Publishing.
- Fairoz, F. M., Hirobumi, T., & Tanaka, Y. (2010). Entrepreneurial orientation and business performance of small and medium scale enterprises of Hambantota District Sri Lanka. *Asian Social Science*, 6(3), 34-46.
- Fauzul Mafasiya Fairoz, Takenouchi Hirobumi & Yukiko Tanaka (2010). Entrepreneurial orientation and business performance of small and medium scale enterprises of Hambantota District Sri Lanka. *Asian Sosial Science*, 6(3), 34-46
- Fouda, H. (2007). The relationship between entrepreneurial orientation dimensions and performance in small canadian ICT firms. Diperoleh daripada <http://search.proquest.com/docview/304884538?accountid=13155>
- Haron Jaffar & Mohamed Dahlan Ibrahim (2004). Entrepreneurial drives and business performance of Malaysian entrepreneurs: Preliminary findings. Dalam *Proceeding of Third International Conference on SMEs in a Global Economy* (907-926). Subang: UITM.
- Hui Li, Y., Wen Huang, J. and Tien Tsai. M. (2008). Entrepreneurial orientation and Firm Performance: The role of Knowledge Creation Process. *Industrial Management Journal*. Diperoleh daripada <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0019850108000266>
- Hussain, J., Ismail, K., & Akhtar, C. S. (2015). Linking entrepreneurial orientation with organizational performance of small and medium sized enterprises: A conceptual approach. *Asian Social Science*, 11(7), 1-10
- Ho, J., & Chung-Shing L. (2008). The DNA of industrial competitors. *Research Technology Management*, 51(4), 17-20
- Kreiser, P., Marino, L., & Weaver, M. (2002). Assessing the psychometric properties of the entrepreneurial orientation scale: A multi-country analysis. *Entrepreneurship: Theory & Practice*, 26(4), 71-95
- Krist, M. (2009). *Internationalization and firm performance: The role of intangible resources*. Jacobs: Universiti Bremen.

- Kotey, B & Meredith, G.G. (1997). Relationship among owner/ manager values, bussines strategic and enterprise performance. *Journal of small business management*, 35(2), 37-64
- Landstrom, H. (2008). *Entrepreneurship, sustainable growth and performance: Frontiers in European entrepreneurship research*. Cheltenham: Edward Elgar Publishing.
- Lim, C.P. (2007). Effective integration of ICT in Singapore schools: Pedagogical and policy implications. *Educational Technology Research and Development*, 55(1), 83-116
- Lumpkin, G.T., & Dess, G.G. (1996). Clarifying the entrepreneurial orientation construct and linking it to performance. *Academic Management Review*, 2(1), 135-172
- Mackey, A., Mackey, T. B., & Barney, J.B. (2007). Corporate social responsibility and firm performance: Investor performances and corporate strategies. *Academy of Management Review*, 32(3), 817-835
- Malaysia. Banci *Pertubuhan dan Enterprais, Profil Enterprais Kecil dan Sederhana*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Negara, 2005.
- Madrid-Guijarro, A., Auken, H.V. & Garcia, D. (2007). An analysis of factors impacting performance of Spanish manufacturing firms. *Journal of Small Business and Entrepreneurship*, 20(4): 369-386
- Madsen, E. (2007). The significance of sustained entrepreneurial orientation on performance of firms: A longitudinal analysis. *Entrepreneurship & Regional Development*, 19, 185- 204.
- Malaviya, P., & Sternthal, B. (2009). Parity product features can enhance or dilute brand evaluation: The influence of goal orientation and presentation format. *Journal of Consumer Research*, 36(1), 112-121
- Matsuno, K., Mentzer, J., & Özsomer, A. (2002). The effects of entrepreneurial proactivity and market orientation on business performance. *Journal of Marketing*, 66(3), 18-32
- Miller, D. 1983. The correlates of entrepreneurship in three types of firms. *Management Science* 29(7), 770-791
- Minniti, M., Zacharakis, A., & Spinelli, S. (2007). *Entrepreneurship: The engine of growth*. London: Praeger Publishers.
- Mohd Khairuddin Hashim (2007). *SMEs in Malaysia: A brief handbook*. Petaling Jaya: August Publishing Sdn.Bhd.
- Mohd Khairuddin Hashim (2007). *Small and medium-sized enterprises development in Malaysia: Programs and evaluation*. Sintok: Universiti Malaysia Utara Press.
- Murphy, G. B., Trailer, J.W., & Hill, R.C. (1996). Measuring performance in entrepreneurship research. *Journal of Business Research*, 36, 15–23.
- Naldi, L., Nordqvist, M., & Sjoberg, K., & Wiklund, I. (2007). Entrepreneurial Orientation, Risk Taking, and Performance in Family Firms. *Family Business Review*, 20, 33–47. Diperoleh daripada <http://dx.doi.org/10.1111/j.1741-6248.2007.00082>
- Olawale Fatoki (2014). The Entrepreneurial Orientation Of Micro Enterprises In The Retail Sector In South Africa. *Journal of Sociology Soc Anth*, 5(2): 125-129. Diperoleh daripada [http://www.krepublishers.com/02-Journals/JSSA/JSSA-05-0-000-14-14-121-Fatoki-O-Tx\[2\].pmd.pdf](http://www.krepublishers.com/02-Journals/JSSA/JSSA-05-0-000-14-14-121-Fatoki-O-Tx[2].pmd.pdf)
- Palalic, R., & Busatlic, S. (2015). Exploratory research on relationship between entrepreneurial orientation dimensions and business performance and growth of fast and slow growing small and medium enterprises in bosnia and herzegovina. *International Journal of Economics and Finance*, 7(2), 15-30.
- Rauch, A., Wiklund, J., Lumpkin, G., & Frese, M. (2009). Entrepreneurial orientation and



- business performance: an assessment of past research and suggestions for the future. *Entrepreneurship Theory Pract*, 33(3), 761–787. Diperoleh daripada <http://dx.doi.org/10.1111/j.15406520.2009.00308.x>
- Roslan Abdul Aziz, Rosli Mahmood, Anas Tajudin & Mohd Hussin Abdullah (2014). The Relationship between entrepreneurial orientation and business performance of SMEs in Malaysia. *International Journal of Management Excellence*, Vol. (2) No.3.
- Rosman Mahmood & Mohd Rosli Mohamad (2011). *Perusahaan kecil dan dilemma usahawan melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sefnedi. (2007). The relationship between market orientation and export performance: The mediation impact of export marketing management and the moderating effect of nvironmental factors. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sekaran, U. (2003). *Research method for business: A skill building approach* (4th ed). New Jersey: John Wiley and Sons, Inc.
- Shuhymee Ahmad & Abdullah Abdul Ghani (2013). Orientasi Keusahawanan dan Prestasi Perniagaan: Pengaruh Penyederhana Gaya Kepimpinan Transformasi. Diperoleh daripada <file:///C:/Users/Admin/Downloads/3633-8096-1-PB.pdf>
- Wang, C. L. (2008). Entrepreneurial orientation, learning orientation, and firm performance. *Entrepreneurship theory and practice*, 32(4), 635-657
- Yang, C-W. (2006). The effect of leadership and entrepreneurship orientation of small and medium enterprises on business performance in Taiwan. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Texas: Universiti Incarnate Word.
- Yong-Hui Li, Jing-Wen Huang & Ming-Tien Tsai (2008). Entrepreneurial orientation and firm performance: The role of knowledge creation process. Diperoleh daripada <http://www.kyu.edu.tw/teacpage/teacpage97/97%E8%AB%96%E6%96%87%E6%8%90%E6%9E%9C%E5%BD%99%E7%B7%A8/172.pdf>